

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK – PENULISAN WASIAT

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Perkhidmatan Penulisan Wasiat. Sila pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Tarikh dikemaskini: 21 Jan 2026 Dikeluarkan oleh:  Diedarkan oleh: 
1	Apakah itu Penulisan Wasiat?
	a) PENULISAN WASIAT ISLAMIK - Bermaksud iqrar* yang dibuat oleh seseorang semasa terhadap asetnya untuk diagihkan bagi tujuan kebajikan atau untuk apa-apa tujuan lain yang dibenarkan oleh Syarak, selepas kematiannya. - Dokumen undang-undang di mana anda mengisytiharkan hasrat kepada orang yang anda sayangi dan kaedah pembahagian aset anda selepas anda meninggal dunia. Bagi seorang Muslim, dibenarkan untuk menulis Wasiat dan mewasiatkan satu pertiga (1/3) daripada hartanya kepada orang yang dikasihinya, sama ada mereka Islam atau tidak atau untuk sedekah/wakaf selagi ia dibuat mengikut undang-undang Syariah. *Nota: Iqrar bermaksud suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak. b) PENULISAN WASIAT KONVENSIONAL - Wasiat ialah perakuan seseorang yang dibuat semasa hayatnya terhadap asetnya untuk disempurnakan sesuatu bagi tujuan kebajikan atau untuk apa-apa tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang selepas dia meninggal dunia kepada warisnya. Oleh itu, ia adalah dokumen yang menyatakan hasrat akhir. Setelah berlaku kematian, pemegang amanah dan mahkamah akan membacanya dan seterusnya mereka akan memastikan bahawa keinginan terakhir anda dipenuhi. - Wasiat Konvensional secara khusus digambarkan sebagai dokumen yang mengikat secara sah kepada Individu untuk menyatakan hasrat mereka tentang pembahagian aset mereka. Ia akan menggantikan Akta Pembahagian 1958, di mana anda boleh mengawal pembahagian harta anda kepada orang yang anda sayangi seperti ahli keluarga.
2	Apakah itu Wasiat Terakhir?
	Wasiat Terakhir adalah wasiat terkini yang dilaksanakan oleh seseorang (Pewasiat) semasa hayatnya dan akan dikemukakan oleh Pelaksana/Wasi kepada mahkamah untuk mendapatkan Geran Probat. Wasiat terdahulu (jika ada) yang ditulis oleh pewasiat akan terbatal dan tidak sah.

3	Apakah Konsep Syariah yang digunapakai bagi Penulisan Wasiat Islamik?
	a) Wakalah Bank mengguna pakai kontrak Wakalah yang bermaksud penyerahan tanggungjawab yang ada pada seseorang (muwakkil) kepada seseorang yang lain (wakil) agar wakilnya itu menguruskan segala tanggungjawab yang diwakilkan bagi pemasaran perkhidmatan ini. b) Wasiyyah Wasiat merupakan iqrar seseorang yang dibuat semasa hayatnya ke atas asetnya untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak selepas berlakunya kematian.
4	Siapakah yang layak untuk menulis Wasiat?
	Sesiapa sahaja yang berumur 18 tahun dan ke atas atau bagi negeri Sabah, 21 tahun dan ke atas dan sempurna akal fikiran boleh membuat Wasiat.
5	Apakah kelebihan Penulisan Wasiat?
	Kelebihan Penulisan Wasiat adalah seperti di bawah : a) Membantu dalam mempercepatkan proses pentadbiran harta pusaka selepas kematian pewasiat melalui pelantikan Pelaksana/Wasi (MyAngkasa Amanah Berhad "MAAB") dan penyenaraian harta/aset dan/atau hutang pewasiat. b) Anda menyatakan hasrat tentang kaedah membahagikan harta pusaka anda untuk kebajikan, keluarga serta orang yang anda sayangi. c) Dapat menjamin kepentingan dan kebajikan anak-anak di bawah umur atau kurang upaya selepas kematian pewasiat melalui pelantikan Pelaksana/ Wasi yang dipercayai.
6	Siapa yang boleh menjadi benefisiari saya?
	Untuk pemberian harta kepada benefisiari, produk ini berbeza mengikut Wasiat Muslim dan Wasiat Bukan Muslim: a) Benefisiari untuk Wasiat Muslim – Pelanggan boleh menamakan benefisiari yang dikehendaki, tetapi masih tertakluk kepada persetujuan waris faraid dan undang-undang Faraid. b) Benefisiari untuk Wasiat Bukan Muslim – Pelanggan boleh meletakkan sesiapa sahaja sebagai benefisiari yang dikehendaki dan ia 100 peratus sah dan boleh diterimapakai di mahkamah.
7	Bagaimana jika benefisiari saya berumur bawah 18 tahun?
	Melalui produk Wasiat, Pelanggan perlu melantik seorang penjaga untuk harta benefisiari yang berumur bawah 18 tahun tersebut.

8	Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar untuk Perkhidmatan ini?																																				
	Sila rujuk jadual di bawah untuk fi dan caj: <table border="1"> <thead> <tr> <th>No.</th><th>Jenis Fi</th><th>Fi dan Caj</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>Penulisan Wasiat untuk Wasiat Islam/Konvensional.</td><td>RM500</td></tr> <tr> <td>2</td><td>Fi Pindaan</td><td>Percuma melalui Portal WAES</td></tr> <tr> <td>3</td><td>Fi Pelaksanaan</td><td> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Aset (RM)</th><th>Fi (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM500,000.00 pertama</td><td>2%</td></tr> <tr> <td>Baki sehingga RM5,000,000.00</td><td>1.5%</td></tr> <tr> <td>Baki sehingga RM10,000,000.00</td><td>1%</td></tr> <tr> <td>Baki seterusnya</td><td>0.5%</td></tr> <tr> <td colspan="2">Fi minimum adalah RM1,000.00</td></tr> </tbody> </table> *Fi termasuk dengan caj SST * Tidak termasuk fi pihak ketiga seperti LHDNM, Pejabat Tanah, fi guaman atau mana-mana institusi berkaitan. </td></tr> </tbody> </table> Nota: Sebarang pindaan Wasiat boleh dilakukan secara percuma melalui Portal WAES, tanpa mengira jumlah aset yang terlibat. Sila rujuk contoh pengiraan bagi Fi Pelaksanaan seperti berikut: Nilai harta: RM1,000,000.00 <table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai Harta</th><th>Fi (%)</th><th>Jumlah</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM500,000.00 pertama</td><td>2%</td><td>RM10,000.00</td></tr> <tr> <td>Baki sehingga RM5,000,000.00</td><td>1.5%</td><td>RM7,500.00</td></tr> <tr> <td colspan="2">Jumlah keseluruhan</td><td>RM17,500.00</td></tr> </tbody> </table>	No.	Jenis Fi	Fi dan Caj	1	Penulisan Wasiat untuk Wasiat Islam/Konvensional.	RM500	2	Fi Pindaan	Percuma melalui Portal WAES	3	Fi Pelaksanaan	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Aset (RM)</th><th>Fi (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM500,000.00 pertama</td><td>2%</td></tr> <tr> <td>Baki sehingga RM5,000,000.00</td><td>1.5%</td></tr> <tr> <td>Baki sehingga RM10,000,000.00</td><td>1%</td></tr> <tr> <td>Baki seterusnya</td><td>0.5%</td></tr> <tr> <td colspan="2">Fi minimum adalah RM1,000.00</td></tr> </tbody> </table> *Fi termasuk dengan caj SST * Tidak termasuk fi pihak ketiga seperti LHDNM, Pejabat Tanah, fi guaman atau mana-mana institusi berkaitan.	Aset (RM)	Fi (%)	RM500,000.00 pertama	2%	Baki sehingga RM5,000,000.00	1.5%	Baki sehingga RM10,000,000.00	1%	Baki seterusnya	0.5%	Fi minimum adalah RM1,000.00		Nilai Harta	Fi (%)	Jumlah	RM500,000.00 pertama	2%	RM10,000.00	Baki sehingga RM5,000,000.00	1.5%	RM7,500.00	Jumlah keseluruhan		RM17,500.00
No.	Jenis Fi	Fi dan Caj																																			
1	Penulisan Wasiat untuk Wasiat Islam/Konvensional.	RM500																																			
2	Fi Pindaan	Percuma melalui Portal WAES																																			
3	Fi Pelaksanaan	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Aset (RM)</th><th>Fi (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM500,000.00 pertama</td><td>2%</td></tr> <tr> <td>Baki sehingga RM5,000,000.00</td><td>1.5%</td></tr> <tr> <td>Baki sehingga RM10,000,000.00</td><td>1%</td></tr> <tr> <td>Baki seterusnya</td><td>0.5%</td></tr> <tr> <td colspan="2">Fi minimum adalah RM1,000.00</td></tr> </tbody> </table> *Fi termasuk dengan caj SST * Tidak termasuk fi pihak ketiga seperti LHDNM, Pejabat Tanah, fi guaman atau mana-mana institusi berkaitan.	Aset (RM)	Fi (%)	RM500,000.00 pertama	2%	Baki sehingga RM5,000,000.00	1.5%	Baki sehingga RM10,000,000.00	1%	Baki seterusnya	0.5%	Fi minimum adalah RM1,000.00																								
Aset (RM)	Fi (%)																																				
RM500,000.00 pertama	2%																																				
Baki sehingga RM5,000,000.00	1.5%																																				
Baki sehingga RM10,000,000.00	1%																																				
Baki seterusnya	0.5%																																				
Fi minimum adalah RM1,000.00																																					
Nilai Harta	Fi (%)	Jumlah																																			
RM500,000.00 pertama	2%	RM10,000.00																																			
Baki sehingga RM5,000,000.00	1.5%	RM7,500.00																																			
Jumlah keseluruhan		RM17,500.00																																			
9	Apakah risiko yang terlibat?																																				
	a) Terdapatnya kemungkinan bahawa waris tidak mengetahui kewujudan Wasiat oleh Pewasiat. Oleh itu, satu salinan Wasiat akan diberikan kepada Pelanggan sebagai simpanan. b) Untuk Wasiat Islam, pelaksanaan Wasiat kepada waris adalah bergantung kepada persetujuan daripada waris yang lain.																																				
10	Apa yang perlu saya buat sekiranya saya bercadang untuk membuat pindaan wasiat tersebut?																																				
	Pindaan wasiat dan perubahan atau penambahan maklumat di dalam wasiat boleh dibuat secara atas talian di https://waes.com.my/ dan boleh terus menghubungi MAAB untuk mendapatkan maklumat lanjut.																																				

11	Bagaimana cara untuk membatalkan Penulisan Wasiat?
	Penulisan Wasiat boleh dibatalkan atau terbatal disebabkan perkara berikut: a) Surat Rasmi kepada MAAB memohon pembatalan Penulisan wasiat. MAAB akan membatalkan pendaftaran wasiat tersebut dan memulangkan dokumen Wasiat Asal kepada Pelanggan. b) Melupuskan Wasiat terbatal apabila pewasiat melupuskan Wasiat fizikal Asas dengan niat untuk membatalkan wasiat tersebut sebelum Wasiat Asas sampai ke MAAB. Kemusnahan tanpa niat atau berniat jahat oleh pihak ketiga tidak akan membatalkan wasiat tersebut. c) Wasiat Terakhir Pewasiat boleh membatalkan wasiat dengan membuat surat rasmi berkaitan niatnya dan dihantar kepada MAAB. Wasiat pertama akan terbatal secara rasmi apabila Wasiat berikutnya dibuat, sama ada pembatalan klausa termaktub atau tidak di dalam surat wasiat tersebut. Jika pewasiat membatalkan Wasiat berikutnya, Wasiat tersebut akan terbatal secara automatik, sama ada klausa pembatalan dimasukkan dalam Wasiat kemudian atau tidak.
12	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya butiran maklumat saya berubah?
	Untuk sebarang perubahan maklumat peribadi boleh dilakukan secara dalam talian melalui akaun peribadi Pelanggan di dalam sistem WAES.
13	Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?
	Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: Wisma MAAB (MyAngkasa Amanah Berhad) (1078340-H) Lot 13 & 13 A Blok A, Plaza @ Kelana Jaya, 9, Jalan SS 7/13b, SS7, 47301 Petaling Jaya, Selangor Talian Khidmat Pelanggan: 03-7887 7979 Laman Sesawang: www.myangkasaamanah.com.my Atau Wisma Co-opbank Pertama No 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampung Baru, 50300 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Talian Khidmat Pelanggan : 1-300-88-7650 Laman Sesawang : www.cbp.com.my Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan atau memuaskan anda, sila hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 Fax : 03-2174 1515 E-mel : bnmtelexlink@bnm.gov.my

Lembaran Pendedahan Produk- Penulisan Wasiat

Saya / Kami mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk telah diterangkan kepada Pelanggan. Nama Kakitangan: No ID Kakitangan: Tarikh:	Saya / Kami mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk telah diterangkan kepada saya/kami. Nama: No Kad Pengenalan: Tarikh:
---	---